



Bekerjasama bersihkan Pantai Morib

PELAJAR dan kakitangan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Banting Selangor (PBS), Kolej MARA Banting (KMB) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) telah bersama-sama membersihkan Pantai Morib, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.

Pengarah Program Eksplorasi Pendidikan Hidupan Flora dan Fauna: Melestarikan Alam Sekitar (PEHIFA), Muhammad Alif Ayub berkata, program secara bersepadu itu merupakan aktiviti komuniti melibatkan pelajar dan kakitangan institusi pendidikan bertujuan memelihara alam

sekitar.

Katanya, pembersihan pantai itu menjadi antara aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 14 iaitu meningkatkan kelestarian kehidupan flora dan fauna di dalam air.

■ **PESERTA** Program Eksplorasi Pendidikan Hidupan Flora dan Fauna: Melestarikan Alam Sekitar bergambar bersama selepas bergotong-royong membersihkan Pantai Morib, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS

